



**KUALA LUMPUR, MALAYSIA**  
**ANSWER PAPER-SA II (2020)**  
**SUBJECT: BAHASA MELAYU**  
**(SUBJECT CODE-099)**  
**CLASS: X**

**ANSWER KEY / MARKING SCHEME**

**MARKAH : 40**

**MASA : 2 HOURS**

---

**BAHAGIAN A**

**[5 markah]**

**(i)**

- a. Punca-punca yang menyebabkan seseorang mengalami tekanan atau stres adalah apabila berdepan dengan sesuatu yang tidak menyenangkan seperti bau busuk, bunyi yang kuat, terlalu banyak tugas yang perlu dibuat, dan kata-kata kesat. (2 m)
- b. Kesan-kesan negatif yang berlaku terhadap seseorang yang sentiasa berhadapan dengan tekanan dalam jangka panjang adalah akan memudaratkan kesihatan dan meninggalkan risiko terhadap penyakit. Seseorang yang sentiasa berhadapan dengan tekanan berkemungkinan menjadi individu yang cepat berasa marah, murung dan prestasi kerja atau pelajaran merosot. (3 m)

## **BAHAGIAN B**

**[15 markah]**

**(ii) 10 markah**

**a. Langkah-langkah mengatasi masalah kes penderaan kanak-kanak**

Pendahuluan

Sabtu hari ada sahaja berita tentang penderaan disiarkan – anak-anak menjadi mangsa – dicucuh dengan punting rokok, dijirus dengan air panas – ada yang mengakibatkan kematian – langkah-langkah bagi membendung gejala ini.

Isi-isi penting:

- melalui penguatkuasaan undang-undang – pesalah mesti dihadkan ke mahkamah – dijatuhkan hukuman berat- masyarakat harus tampil untuk menjadi saksi – hukuman menjadi pengajaran kepada orang lain.
- memberikan didikan agama – nilai moral dan agama yang tinggi – agama melarang keras menganiayai anak-anak – semua orang perlu menghayati dan memahami bahawa anak-anak ialah anugerah daripada Tuhan.
- mengadakan sesi bimbingan dan kaunseling – menyedarkan mereka tentang tanggungjawab selepas berkahwin – sedar akan kesusahan dan tanggungjawab terhadap anak – mengawal perasaan dan bersabar apabila menghadapi kerena anak
- masyarakat harus memainkan peranan – melaporkan kejadian kepada pihak berkuasa – peka akan persekitaran terutama kanak-kanak - mengamalkan sikap “anak orang anak kita juga” – bertanggungjawab membina masyarakat yang baik

Penutup

Anak-anak perlu dididik sebaik –sebaik – ibu bapa harus mencurahkan kasih sayang – membina keluarga yang penyayang – anak-anak ialah pewaris generasi akan datang

**b. Cara-cara untuk mencegah penyebaran demam denggi**

Pendahuluan

Demam denggi dapat membawa maut - bawaan nyamuk aedes

Isi-isi penting

- tempat pembiakan nyamuk perlu dihapuskan – tempat air bertakung – tempat nyamuk bertelur
- kempen kesedaran tentang bahaya demam denggi – sentiasa diuar-uarkan di media massa
- rawatan segera – kepada sesiapa yang disyaki menghidap demam denggi

- perlu menguatkuasakan hukuman kepada sesiapa yang membiarkan nyamuk membiak – pengajaran

#### Penutup

Penularan penyakit demam denggi dapat dikawal

#### **(iii): Teknik Ulang Kaji yang Berkesan (5 markah)**

- Para pelajar mestilah mewujudkan satu ruang belajar yang selesa.
- Para pelajar perlu belajar dalam suasana yang sunyi dan tenang.
- Para pelajar perlu minum lebih banyak air masak atau air mineral semasa belajar.
- Jangan membazirkan masa mencari buku yang hilang akibat kelalaian diri sendiri.
- Dinding ruang belajar juga sebaik-baiknya dihiasi dengan nota-nota penting yang sukar diingati.
- Jangan belajar di tempat yang malap cahaya lampunya atau dalam cahaya yang terlalu terang sehingga menyakitkan mata.
- Elakkan mengulang kaji pelajaran di kawasan yang terdedah oleh bau busuk sampah sebagainya.

#### **BAHAGIAN C**

**[10 markah]**

#### **(iv) Susun semula frasa (5 markah)**

1. Remaja yang berbaju itu amat rajin.
2. Puan Masnira berjalan menggunakan tongkat kerana kakinya masih belum sembuh lagi.
3. Kak Siti mencampurkan pewarna telur kuning ke dalam adunan kek mentega.
4. Suasana di Pasar Borong Selayang sungguh hirur-pikuk terutamanya pada waktu pagi.
5. Ibu membuat biskut coklat kegemaran Aishah sempena hari jadinya yang ke-8.

**(v) Pilih peribahasa yang susuai. (5 markah)**

1. sarang tebuan jangan dijolok
2. iri hati
3. setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga
4. mulut tempayan
5. air dicincang tidak akan putus

## **BAHAGIAN D**

**[10 markah]**

### **(vi) Prosa Tradisional “Bahagia Sesudah Derita” (5 markah)**

a. Tindakan yang dilakukan oleh Si Miskin apabila dia dilempari batu dan kayu oleh orang di pasar ialah (1 markah)

- lari dengan tubuhnya bengkak-bengkak berlumuran darah
- menangis
- berseru-seru sepanjang jalan kerana sangat lapar dan dahaga seperti akan mati rasanya

**\*Isi cukup: 1 daripada isi di atas**

b. Dua perwatakan Si Miskin yang terdapat dalam prosa ialah (2 markah)

- seorang suami yang bertanggungjawab
- seorang suami yang penyayang
- sesorang suami yang penyabar
- seorang raja yang baik hati
- seorang raja yang berasal dari kayangan
- seorang yang tabah menghadapi ujian dan dugaan
- seorang raja yang adil dan pemurah setelah menjadi Maharaja Indera Angkasa

**\*Isi cukup: 2 daripada isi di atas**

c. Kesan yang berlaku sekiranya nilai kasih sayang tidak wujud dalam kalangan masyarakat di negara kita.

- Persengketaan/perselisihan faham mudah berlaku/tercetus.
- Hilang rasa ingin membantu/menolong orang yang susah.
- Wujud masyarakat yang mementingkan diri sendiri sahaja.
- Hilang sikap hormat menghormati antara satu sama lain.
- Keharmonian hidup bermasyarakat tidak akan wujud.
- Negara akan menjadi huru-hara dan keamanan sukar diwujudkan.
- Nasib golongan miskin tidak akan terbela.

**\*Isi cukup: 2 daripada isi di atas**

**(vii) Soalan pemahaman cerpen (5 markah)**

Tema: Persahabatan yang utuh antara manusia dengan haiwan peliharaannya.

No	Persoalan	Contoh
1.	Kegigihan seorang murid untuk berjaya dalam pelajaran	Beluntung gigih ke sekolah untuk menimba ilmu walaupun dia menghadapi pelbagai kesukaran seperti terpaksa melalui jalan berlumpur dan mengharungi beberapa batang sungai yang dalam.
2.	Kedaifan hidup di luar bandar bukan penghalang untuk bersaing dalam dunia pendidikan	Beluntung lulus peperiksaan darjah enamnya dengan cemerlang walaupun kehidupannya serba kekurangan dan terpaksa ke sekolah dengan menunggang kerbau.
3.	Kasih sayang terhadap haiwan peliharaan	Walaupun dihalang oleh ibunya, Beluntung tetap turun dari rumah untuk mencari dan menyelamatkan Tuyog dan Bawod daripada mati lemas dalam keadaan hujan yang lebat dan angin yang kencang.
4.	Kebanggaan ibu dan ayah terhadap kejayaan anak	Ibu dan bapa Beluntung bangga dan membuat kenduri kesyukuran bagi meraikan kejayaan cemerlangnya dalam peperiksaan darjah enam walaupun mereka hidup susah.
5.	Kesetiaan haiwan peliharaan terhadap tuan	Bawod turut mengekori tuannya hingga ke sekolah walaupun terpaksa meredah hujan yang lebat dan mengharungi air sungai.

**-- Sekian, terima kasih --**